

Malaysia Import Sehingga 2,000 Pakar ICT Setiap Tahun – TeAM
Bernama
18 Julai, 2012

MELAKA, 18 Julai (Bernama) -- Kegagalan graduan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) tempatan menepati kehendak pasaran menyebabkan Malaysia terpaksa mengimport sehingga 2,000 tenaga profesional ICT setiap tahun.

Presiden Persatuan Technopreneurs Malaysia (TeAM), Ir Aziz Ismail berkata setiap tahun seramai 1,000 hingga 2,000 tenaga profesional ICT diambil dari luar negara seperti Singapura dan Vietnam bagi menampung permintaan di negara ini.

Beliau berkata skop kerja seperti pengaturcaraan dan pembekalan kandungan memerlukan tenaga pakar yang ramai disebabkan kemajuan teknologi kini lebih cenderung ke arah permintaan perisian berbanding perkakasan.

Aziz berkata demikian kepada pemberita selepas persidangan Meja Bulat Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 2012, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), di sini pada Rabu.

Justeru, beliau berkata TeAM telah melaksanakan plan kerjasama dengan Insititusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan termasuk UTeM bagi memastikan graduan ICT yang dilahirkan menepati kehendak pasaran industri semasa.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681669>

